

DATE: 29 JULY 2013
PUBLICATION: UTUSAN MALAYSIA
SECTION: BUSINESS
HEADLINE: SONA PETROLEUM TIDAK PERLU MORATORIUM
CATEGORY: COMPANY NEWS
MEASUREMENT: 84.15 CM²

Sona Petroleum tidak perlu moratorium

KUALA LUMPUR 28 Julai - Sona Petroleum Bhd. (Sona Petroleum) menegaskan pihaknya tidak perlu mengenakan moratorium atau tempoh penangguhan aktiviti spesifik terhadap enam pelabur terpilihnya.

Enam pelabur terpilih Sona Petroleum adalah Hong Leong Asset Management Bhd., Segantii Capital, Davidson Kempner European Partners, CIMB-Principal Asset Management Bhd., Kenanga Investors Bhd. dan RHB Investment Management Sdn Bhd.

Pengarah Urusannya Datuk Seri Hadian Hashim berkata, keenam-enam pelabur terpilih itu amat penting bagi menentukan kestabilan syarikat dalam tempoh jangka panjang.

“Penasihat tawaran awam permulaan (IPO) iaitu CIMB Investment Bank Bhd. dan RHB Investment Bank Bhd. telah memutuskan tempoh ikatan tidak diperlukan terhadap pelabur terpilih, disebabkan struktur syarikat khas pengambilalihan (SPAC) dan disampaikan kepada mereka menerusi siri jelajah penerangan,” katanya dalam kenyataan akhbar.